

Dana Kedaulatan

DANA kedaulatan *Sovereign Wealth Funds* (SWF) mendapat perhatian dunia pada pertengahan tahun 2000, walaupun sejarah permulaannya lebih daripada satu abad yang lalu. Hal ini disebabkan oleh percambahan dan saiznya yang semakin besar serta memberikan impak kepada ekonomi dan pelaburan global. Kontroversi yang berkaitan dengan peranan dana tersebut dalam krisis kewangan Amerika Syarikat pada tahun 2008/2009, setelah mereka melakukan pelaburan kontroversi bagi menyelamatkan syarikat-syarikat Wall Street, seperti Citicorp, Morgan Stanley dan Meriill Lynch.

Sejarah awal penubuhan dana ini bermula di Texas, Amerika Syarikat apabila satu dana

ditubuhkan untuk membiayai bidang pendidikan yang dikenali sebagai *Permanent School Fund (PSF)* pada tahun 1854 dan diikuti *Permanent University Fund (PUF)*. Bentuk dan ciri dana kedaulatan yang dikenali sekarang, ditubuhkan oleh pihak berkuasa Kuwait pada tahun 1953, iaitu *Kuwait Investment Authority* yang bertujuan untuk melaburkan lebih hasil minyak bagi faedah generasi akan datang.

Definisi mudah dana kedaulatan ialah kumpulan wang yang

Bentuk dan ciri kedaulatan yang dikenali sekarang, ditubuhkan oleh pihak berkuasa Kuwait pada tahun 1953, iaitu Kuwait Investment Authority.

chr. no = 0000274664

FE0 2015/A07

Economics - Investment s

pg = 45 - 47

terhasil daripada lebih simpanan negara yang digunakan untuk pelaburan bagi faedah ekonomi negara dan warganegaranya. Oleh itu, berdasarkan definisi tersebut ternyata dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak boleh dianggap sebagai dana kedaulatan seperti yang dinyatakan oleh sesetengah pendapat.

Tujuan utama dana kedaulatan ini ditubuhkan adalah untuk:

- Langkah kestabilan simpanan negara, terutamanya negara yang bergantung pada hasil komoditi tertentu, seperti minyak, kerana turun naik harga komoditi tersebut akan menjejaskan simpanan negara.

- Mempelbagaikan aliran pendapatan dan tidak terlalu bergantung pada satu punca pendapatan sahaja. Hasil daripada pelaburan tersebut dapat menampung pendapatan negara, seperti United Emirates Fund.

- Rancangan strategik dan ekonomi. Contohnya, Singapore Government Investment Fund dan Temasek Holding adalah untuk melonjakkan kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan antarabangsa. Begitu juga Korean Investment Corporation yang melabur dalam pelbagai jenis syarikat, seperti syarikat baharu muncul dan syarikat tenaga alternatif. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat dan industri baharu.
- Kepentingan warganegara dan generasi akan datang. Hal ini merupakan matlamat utama Norwegian Pension Fund yang memberikan dividen yang lumayan kepada setiap warganegaranya.


Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kebimbangan tentang kemunculan dan peranan yang dimainkan oleh dana kedaulatan ini dalam pentas pelaburan dunia. Kebimbangan ini merangkumi:

- Saiz dan pertambahan mendadak dana kedaulatan memberikan kesan yang besar kepada pelaburan di dalam sesebuah negara. Kemasukan dan pengaliran keluar wang yang mendadak dapat menjejaskan kestabilan pasaran saham sesebuah negara.
- Pelaburan asing langsung (*direct foreign investment*) yang dilakukan oleh dana kedaulatan menimbulkan kebimbangan tentang isu keselamatan negara, terutamanya pelaburan yang strategik bagi keselamatan negara.
- Aspek ketidaktelusan yang merisaukan pelabur dan pihak berkuasa tempatan.

Jadual Senarai kedudukan dana kedaulatan.

BIL.	NEGARA	TAHUN DITUBUHKAN	NAMA DANA	SAIZ DANA (AS\$ BILION)
1.	Norway	1990	Government Pension Fund	821.3
2.	Emiriyah Arab Bersatu	1976	Abu Dhabi Investment	773
3.	China	2002	China Investment Corporation	766
4.	Arab Saudi	1952	SAMA Holding	671
5.	Kuwait	1953	Kuwait Investment Authority	592
6.	China	1992	SAVE Investment Company	547
7.	Hong Kong	1980	Hong Kong Monetary Authority	400
8.	Singapura	1981	Government Investment Corporation	344
9.	Qatar	2003	Government Investment Corporation	256
10.	China	2000	National Social Security Fund	236
11.	Singapura	1974	Temasek Holding	193
12.	Emiriyah Arab Bersatu	2006	Investment Corporation Dubai	183
13.	Malaysia*	1993	Khazanah Holdings	42

Saiz dan pertambahan mendadak dana kedaulatan memberikan kesan yang besar kepada pelaburan di dalam sesebuah negara.



Isu ini melibatkan saiz dan punca dana tersebut, matlamat pelaburan, pendedahan (*disclosure*) serta sekat dan imbang (*check and balance*). Oleh sebab isu tersebut, pelabur dan penguasa tempatan berasa curiga akan kehadiran dana kedaulatan di negara mereka.

- Dana kedaulatan ini tidak sama seperti bank pusat dan dana persaraan. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat penubuhan mereka dan objektif pelaburan amat berbeza. Pihak berkuasa dan pelabur tempatan amat sukar untuk menangani kewujudan dana kedaulatan.

Saiz dana kedaulatan amat besar dan semakin bertambah. Pada tahun 2014, dianggarkan saiznya mencapai AS\$420 trilion. Daripada jumlah tersebut, AS\$7 trilion terdiri daripada dana persaraan dan dana pembangunan pula sebanyak AS\$8 trilion. Dari segi komposisi pula, AS\$4.2 trilion daripada dana negara pengeluar minyak, manakala AS\$2.82 trilion daripada negara bukan pengeluar minyak. Dari segi pelaburan pula, dana ini melabur dalam ekuiti, harta tanah, pelaburan langsung dalam industri, dana persendirian atau dana pelindung nilai (*hedge fund*). Pelaburan ini berbentuk jangka masa panjang dan jangka masa pendek serta melintasi sempadan dunia. **de**